KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
TINGKATAN TIGA

BAHASA MELAYU

PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

KANDUNGAN

Rukun Negara	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vii
Kata Pengantar	ix
Pendahuluan	1
Matlamat	1
Objektif	1
Organisasi Kurikulum	2
Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran	4
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	7
Sistem Bahasa	9
Komponen Kesusasteraan Melayu	11
Pengisian Kurikulum	12
Huraian Sukatan Pelajaran	15

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Kata Pengantar

Huraian sukatan pelajaran ialah dokumen yang memperincikan sukatan pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pendekatan berpusatkan murid, serta kepelbagaian teknik dan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Di samping itu, nilai murni serta semangat patriotik, dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Tiga menggariskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut aras kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid melalui pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran. Pernyataan tersebut memberikan cabaran yang sesuai dengan murid dalam pendidikan sekolah menengah agar dapat melahirkan murid yang berketerampilan menggunakan bahasa Melayu baku.

Dalam menyediakan huraian sukatan pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa, dan tenaga sehingga terhasilnya huraian sukatan pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)
Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Selaras dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pendidikan 1996, Bahasa Melayu ialah mata pelajaran teras di semua sekolah rendah dan menengah. Bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan rakyat di Malaysia. Pendidikan Bahasa Melayu berhasrat membina rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan akal budi dan pemikiran rakyat, juga berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air yang dikongsi bersama oleh semua rakyat dalam satu wawasan. Pendidikan Bahasa Melayu mempunyai potensi untuk dimartabatkan dan diperluas ke peringkat antarabangsa khususnya menerusi teknologi maklumat dan komunikasi.

Kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah bertujuan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Murid mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah merangkumi tiga bidang penggunaan bahasa, iaitu Bidang Interpersonal, Bidang Maklumat, dan Bidang Estetik. Penumpuan pada bidang-bidang ini membolehkan murid menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dalam kehidupan harian, bidang pekerjaan, dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Di samping itu, komponen kesusasteraan Melayu diharapkan dapat memupuk minat membaca dan melahirkan kenikmatan membaca serta penghayatan terhadap bahan sastera. Pendidikan Bahasa Melayu juga memberikan pertimbangan terhadap pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza antara satu sama lain di kalangan murid dengan menekankan pembelajaran masteri dan penyerapan kemahiran bernilai tambah. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar waktu sekolah adalah penting sebagai sokongan untuk memantapkan ilmu dan pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Tiga merupakan perincian kepada kandungan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah dan berfungsi sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian sukatan pelajaran ini disediakan bagi setiap tingkatan, iaitu dari tingkatan satu hingga tingkatan lima.

Huraian sukatan pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, Organisasi Kurikulum, Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran, dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran. Organisasi Kandungan merangkumi Penggunaan Bahasa, Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, Sistem Bahasa, Komponen Kesusasteraan, dan Pengisian Kurikulum.

MATLAMAT

Matlamat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi bagi memenuhi keperluan diri dalam urusan harian, pendidikan dan pekerjaan.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH

Pada akhir sekolah menengah murid dapat:

i. melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta

mengeratkan hubungan, dan berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan;

ii. mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton untuk memperoleh ilmu dan maklumat;

iii. menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;

iv. mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan bacaan jenis maklumat dan bahan sastera;

v. melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan jenis maklumat dan imaginatif secara kreatif dan berkesan; dan

vi. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU TINGKATAN TIGA

Pada akhir tingkatan tiga murid dapat:

i. berbicara tentang hal peribadi, keluarga, jiran, isu semasa, perkembangan serantau dan antarabangsa dengan menggunakan bahasa yang santun;

ii. berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan dengan melaksanakan aktiviti yang lazim dalam transaksi;

iii. memberikan penjelasan, alasan dan contoh untuk mempengaruhi pihak lain dalam suasana perbincangan dan perundingan yang harmoni;

iv. membaca bahan sastera dan ilmu dengan menggunakan teknik bacaan yang berkesan untuk tujuan mendapatkan keseronokan dan menganalisis kekuatan dan kelemahan sesuatu karya;

v. merujuk pelbagai sumber, memperluas dan menganalisis maklumat bagi tujuan penyelidikan;

vi. menyampaikan maklumat dengan menggunakan cara, bentuk dan gaya penyampaian yang efektif;

vii. Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif yang menggunakan bahasa yang gramatis dan teknik penulisan yang menarik; dan

viii. menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat patriotik, dan perasaan cinta akan negara yang terdapat dalam bahan yang dipelajari dan yang diperoleh melalui pengalaman pembelajaran di bilik darjah.

ORGANISASI KURIKULUM

Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Tiga ini mengandungi:

a. Penggunaan Bahasa

Penggunaan bahasa merangkumi tiga bidang utama, iaitu bidang interpersonal, bidang maklumat, dan bidang estetik. Bagi setiap bidang tersebut terdapat hasil pembelajaran utama dan hasil pembelajaran khusus yang perlu dikuasai oleh murid.

Penggunaan bahasa bagi bidang interpersonal membolehkan murid memulakan, membina, dan mengekalkan hubungan dengan rakan rapat atau dengan orang lain melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial atau berurus bagi tujuan komersial. Penggunaan bahasa bagi bidang maklumat membolehkan murid memperoleh dan menyampaikan maklumat serta ilmu kepada pihak tertentu. Penggunaan bahasa bagi bidang estetik membolehkan murid menikmati karya sastera, bercerita, serta melahirkan idea dan perasaan secara kreatif.

Bidang interpersonal memberikan fokus pada kemahiran lisan, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur. Namun begitu, kemahiran membaca dan menulis perlu juga diterapkan di mana-mana yang sesuai, contohnya membaca dan menulis surat untuk tujuan sosial. Bidang maklumat dan bidang estetik pula memberikan fokus dan penekanan pada kemahiran membaca dan menulis di samping menerapkan kemahiran mendengar dan bertutur. Bidang maklumat menekankan topik ilmu manakala bidang estetik lebih bertumpu pada topik imaginatif.

b. Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa ini merupakan teras kepada penguasaan bahasa baku.

Kemahiran mendengar merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan maklum balas.

Kemahiran bertutur merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan untuk menjalin hubungan, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan, serta idea yang kritis dan kreatif, dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan. Penekanan diberikan pada pengucapan yang menggunakan tatabahasa yang betul.

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek sastera secara kritis dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Di samping itu, murid berupaya menghayati teks yang dibaca.

Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan bahan ilmu dan imaginatif.

c. Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran ialah pernyataan yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum bahasa. Pernyataan hasil pembelajaran merupakan petunjuk yang jelas tentang set kemahiran yang perlu dicapai oleh murid. Hasil pembelajaran dibina dengan menyepadukan kemahiran bahasa, sistem bahasa, dan pengisian kurikulum. Oleh itu, murid perlu menguasai kemahiran berbahasa yang terdapat dalam setiap hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran dapat membantu guru memilih kandungan, kaedah, sumber, dan prosedur pengajaran yang relevan dan berkesan. Pendekatan yang berfokus pada gaya pembelajaran yang pelbagai dapat membantu murid mencapai hasil pembelajaran. Selain itu, hasil pembelajaran juga

membantu dalam membuat pengukuran dan penilaian pencapaian murid.

Terdapat dua hasil pembelajaran dalam kurikulum Bahasa Melayu, iaitu hasil pembelajaran utama dan hasil pembelajaran khusus. Hasil pembelajaran utama dapat dicapai dengan menguasai hasil pembelajaran khusus.

d. Sistem Bahasa

Sistem bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata, dan peribahasa. Pelaksanaan sistem bahasa dalam pendidikan Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku.

e. Komponen Kesusasteraan Melayu

Komponen kesusasteraan Melayu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu merangkumi genre novel, cerpen, prosa tradisional, drama, puisi moden, dan puisi tradisional. Melalui komponen ini diharapkan minat membaca, keseronokan membaca, dan penghayatan terhadap bahan sastera dapat dipupuk.

f. Pengisian Kurikulum

Pengisian kurikulum terdiri daripada elemen yang mencantumkan teras utama dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan perkembangan terkini dalam pendidikan, iaitu ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Semua elemen ini dapat diaplikasikan oleh murid dalam dunia pekerjaan. Di samping itu, nilai murni, serta patriotisme dan kewarganegaraan diberikan penekanan selaras dengan matlamat negara untuk membangunkan masyarakat madani.

PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Tiga dipersembahkan dalam tiga lajur. Lajur pertama ialah Hasil Pembelajaran, lajur kedua memuatkan Huraian Hasil Pembelajaran, dan lajur ketiga mengandungi Cadangan Aktiviti atau Nota.

a. Hasil Pembelajaran

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberikan tumpuan pada murid untuk menguasai hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran ini terdiri daripada:

- Hasil Pembelajaran Utama

  Hasil pembelajaran utama ialah pernyataan kecekapan berbahasa yang ditafsirkan daripada objektif kurikulum Bahasa Melayu. Pernyataan kecekapan berbahasa ini merangkumi bidang interpersonal, maklumat, dan estetik.

- Hasil Pembelajaran Khusus

  Hasil pembelajaran khusus ialah perincian kecekapan berbahasa bagi hasil pembelajaran utama. Kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis terangkum dalam pernyataan hasil pembelajaran khusus. Hasil pembelajaran khusus disusun dari peringkat mudah ke peringkat yang lebih sukar, dan harus dikuasai oleh murid bagi setiap tingkatan.

Setiap bidang penggunaan bahasa mempunyai sejumlah hasil pembelajaran utama, manakala setiap hasil pembelajaran utama terbina daripada sejumlah hasil pembelajaran khusus yang perlu dikuasai oleh murid. Penomboran hasil pembelajaran bagi bidang penggunaan bahasa adalah seperti yang berikut:

Penggunaan Bahasa	Hasil Pembelajaran Utama	Hasil Pembelajaran Khusus
Interpersonal	1.0	1.1, 1.2, 1.3, 1.4, 1.5, 1.6
	2.0	2.1, 2.2, 2.3, 2.4, 2.5
	3.0	3.1, 3.2, 3.3, 3.4
	4.0	4.1, 4.2
	5.0	5.1, 5.2, 5.3
	6.0	6.1, 6.2, 6.3
Maklumat	7.0	7.1, 7.2, 7.3, 7.4, 7.5, 7.6, 7.7
	8.0	8.1, 8.2, 8.3, 8.4, 8.5, 8.6, 8.7, 8.8
	9.0	9.1, 9.2, 9.3, 9.4
Estetik	10.0	10.1, 10.2, 10.3, 10.4, 10.5, 10.6
	11.0	11.1, 11.2, 11.3
	12.0	12.1, 12.2, 12.3, 12.4, 12.5, 12.6

b. Huraian Hasil Pembelajaran

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur kedua menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Penyataan Aras 1 hingga Aras 3 dalam Huraian Hasil Pembelajaran ialah perincian bagi hasil pembelajaran khusus. Pemeringkatan berdasarkan aras ini sejajar dengan pembelajaran masteri yang membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berpencapaian rendah. Aras 1 ialah aras paling asas yang harus dicapai oleh semua murid. Kandungan kurikulum bagi aras ini adalah yang paling minimum yang harus dikuasai oleh semua murid tingkatan dua. Aras 2 ialah aras bagi murid yang berpencapaian sederhana manakala Aras 3 ialah aras paling tinggi bagi murid yang berpencapaian cemerlang.

Apabila murid berupaya mencapai Aras 1, maka mereka boleh meneruskan pembelajaran ke Aras 2 dan seterusnya ke Aras 3. Sekiranya seseorang murid masih tidak berupaya mencapai Aras 1, maka guru hendaklah melatih dan membimbing murid tersebut sehingga mereka menguasai aras tersebut sepenuhnya. Dalam hal ini, penilaian terhadap pencapaian murid bagi setiap aras perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti sama ada murid perlu dibimbing lagi atau boleh beralih ke pelajaran seterusnya.

c. Cadangan Aktiviti/Nota

Cadangan Aktiviti atau Nota dalam lajur ketiga mengandungi cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu belajar di bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran meramal dan membuat pilihan menggunakan kajian masa depan, atau jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid. Semua cadangan ini hanyalah sebagai panduan bagi guru. Guru boleh mengubahsuaikan atau memilih teknik atau aktiviti lain yang sesuai dengan kebolehan murid.

Paparan Contoh Huraian Sukatan Pelajaran

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
1.0 Berinteraksi untuk menjalin dan mempererat hubungan mesra 1.1 Berbual dan berbicara tentang perkara yang berkaitan dengan kehidupan harian yang menyentuh diri, keluarga, rakan, dan masyarakat dengan menggunakan kata, intonasi, dan nada yang sesuai. 1.2 Mendengar dan memberikan respons secara lisan dan bertulis tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain.	**Aras 1** i. Berbual tentang pengalaman diri dan kegiatan harian dengan menggunakan sebutan, nada dan intonasi yang sesuai. ii. Membenarkan pendapat rakan untuk meneruskan perbualan.	• Berbual tentang pengalaman diri dalam kegiatan kokurikulum. Contoh: Peraduan mengarang dan perkhemahan. Nota: Sebagai pilihan, sampel rakaman perbualan yang relevan diperdengarkan kepada murid untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur. • Berbual dalam kumpulan kecil berpandukan ungkapan-ungkapan yang membenarkan pendapat rakan. Contoh ungkapan: “Ya, saya amat bersetuju.” , “Ya, kita bersependapat nampaknya.”

Hasil Pembelajaran Utama

Hasil Pembelajaran Khusus

Kemahiran berbahasa

Cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran

Nota berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

a. Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa. Pendekatan berpusatkan murid selari dengan pembelajaran masteri yang menekankan keperluan memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Melalui pembelajaran masteri, murid diberi peluang untuk maju mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam hal ini aktiviti penilaian, pemulihan, dan pengayaan perlu dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

b. Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Kaedah dan teknik perbincangan, simulasi, projek, dan inkuiri berasaskan pembelajaran kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, dan konstruktivisme umpamanya, dapat meningkatkan minat murid terhadap pelajaran. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik, serta penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berinteraksi serta berfikir secara kritis dan kreatif.

c. Kepelbagaian Sumber dan Bahan

Penggunaan pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Bahan-bahan seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, bahan daripada internet, perisian kursus, serta bahan sastera dan bukan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan untuk bacaan luas.

d. Penggunaan Tatabahasa yang Tepat

Pendidikan Bahasa Melayu sekolah menengah menekankan penggunaan tatabahasa yang tepat. Untuk mencapai tujuan tersebut, guru perlu merancang dan memilih aspek tatabahasa yang hendak diajarkan berserta contoh penggunaannya dalam pelbagai konteks dan kegiatan bahasa yang bermakna sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

e. Pengajaran dan Pembelajaran Bertema

Pendekatan bertema amat digalakkan dalam pengajaran bahasa. Melalui pengajaran dan pembelajaran bertema, kemahiran bahasa, pembelajaran tatabahasa, dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, guru perlu merancang dan menentukan tema bagi pengajarannya yang meliputi bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan, serta isu semasa.

f. Bacaan Luas

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik untuk meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan ilmiah dan bahan sastera. Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara serapan.

g. Penggabungjalinan

Penggabungjalinan merupakan proses yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Penggabungjalinan berlaku antara hasil pembelajaran, serta antara kemahiran bahasa dengan tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa. Penggabungjalinan ini dihuraikan seperti yang berikut:

i. Hasil pembelajaran khusus daripada bidang penggunaan bahasa yang sama atau daripada bidang penggunaan bahasa yang berlainan (umpamanya bidang interpersonal dan bidang maklumat) boleh digabungkan sesuai dengan objektif yang ingin dicapai dalam waktu pengajaran dan pembelajaran tertentu.

ii. Sekurang-kurangnya dua daripada mana-mana kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis harus digabungkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Misalnya kemahiran mendengar dan bertutur digabungjalinkan dengan kemahiran menulis. Aktiviti bahasa yang menggabungjalinkan kemahiran bahasa ini bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran khusus dan hasil pembelajaran utama.

iii. Tatabahasa hendaklah digabungkan dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis secara terancang dan dalam konteks.

iv. Kosa kata dan peribahasa yang hendak diajarkan harus digabungkan secara terancang dengan kemahiran dan aktiviti bahasa, misalnya melalui aktiviti lakonan atau perbahasan; membaca dan menaakul teks yang mengandungi kosa kata (sama ada kata umum atau istilah) dan peribahasa; serta melalui latihan menggunakan kosa kata dan peribahasa yang betul dalam pelbagai genre penulisan.

h. Penyerapan

Penyerapan ialah proses menyerapkan pelbagai bidang ilmu, nilai murni, dan kemahiran bernilai tambah yang dipelajari semasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Penyerapan unsur-unsur ini dihuraikan seperti yang berikut:

i. Isi pelajaran Bahasa Melayu menyerapkan pelbagai bidang ilmu mencakup pelbagai tema serta hal-hal persendirian dan kemasyarakatan.

ii. Semangat kewarganegaraan dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan hendaklah diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Meskipun penyerapan dilakukan secara sedar dan terancang namun murid menyerap ilmu dan nilai tersebut secara natural.

iii. Kemahiran berfikir hendaklah diserapkan secara terancang dengan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu ini memberikan penekanan pada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Antara kemahiran berfikir yang perlu diserapkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa adalah seperti yang berikut:

- Mencirikan
- Mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan
- Menghubungkaitkan
- Membandingkan dan membezakan
- Menyusun atur
- Menentukan urutan
- Mengenal pasti kenyataan benar atau palsu
- Membezakan fakta dengan pendapat

- Menganalisis
- Mengesan kecondongan pendapat
- Mengenal pasti sebab akibat
- Meramalkan
- Mensistesiskan
- Mengitlak
- Menganalogikan
- Membuat inferens
- Membuat kesimpulan
- Menginterpretasikan, mentafsirkan
- Mengenal pasti idea utama dan idea sokongan
- Menilai
- Menjanakan idea
- Mereka cipta
- Merumuskan, meringkaskan
- Membuat keputusan
- Menyelesaikan masalah

Untuk membolehkan kemahiran tersebut dikuasai murid, alat berfikir seperti penyusun grafik, soalan (bertumpu, bercapah dan lingkaran soalan) serta peta minda perlu digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

iv. Kemahiran bernilai tambah yang lain, iaitu kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual juga perlu diserapkan dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan hasil pembelajaran yang ingin dicapai, kebolehan murid, serta sumber yang ada.

i. Penilaian

Penilaian ialah sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran dan objektif pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penilaian yang berterusan perlu dijalankan. Melalui penilaian yang berterusan, guru dapat memastikan tindakan susulan yang perlu diambil terhadap seseorang murid sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan.

j. Pemulihan

Aktiviti pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kadar kemampuan murid.

k. Pengayaan

Aktiviti pengayaan perlu diberikan penekanan kerana murid berbeza tahap kebolehan, keupayaan, bakat dan minat. Murid yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal atau dalam jangka masa yang ditetapkan diberikan aktiviti atau tugasan yang lebih mencabar untuk dilaksanakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru.

SISTEM BAHASA

Sistem bahasa berfokus pada pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang terdiri daripada tatabahasa, kosa kata, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, dan peribahasa. Penerangan ringkas bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah.

a. Tatabahasa

Tatabahasa hendaklah dijadikan dasar kecekapan berbahasa dan diajarkan secara terancang dalam konteks untuk ketepatan berbahasa. Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis.

I. Morfologi

Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah rupa unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan, dan penggandaan. Penggolongan kata ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk dan fungsi dengan anggota lain dalam golongan kata yang sama. Aspek morfologi yang diberikan tumpuan ialah:

i. Struktur kata yang merujuk kepada pola suku kata bagi:
   - kata asli bahasa Melayu
   - kata pinjaman bahasa Melayu

ii. Bentuk kata terdiri daripada:
   - kata tunggal
   - kata terbitan
   - kata majmuk
   - kata ganda

   Proses pembentukan kata bahasa Melayu meliputi:
   - pengimbuhan
   - penggandaan
   - pemajmukan

   Antara ketiga-tiga proses pembentukan di atas, yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari sudut bentuk dan makna, termasuk aspek baru dalam proses pengimbuhan.

iii. Golongan kata terdiri daripada:
   - kata nama
   - kata kerja
   - kata adjektif
   - kata tugas

II. Sintaksis

Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur, dan binaan atau konstruksi ayat. Ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan ialah:

i. Unsur utama ayat yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan pembinaannya, serta pembahagian subjek dan predikat
ii. Jenis ayat, iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah, dan ayat seruan
iii. Ragam ayat, iaitu ayat aktif dan ayat pasif
iv. Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
v. Binaan ayat:
   - ayat dasar
   - ayat tunggal
   - ayat terbitan atau majmuk
vi. Proses penerbitan ayat:
   - konsep ayat terbitan
   - proses pengguguran

- proses penyusunan semula
- proses peluasan

vii. Aspek tanda baca

b. Sistem Ejaan

Perkara yang ditekankan ialah:

i. Pola keselarasan huruf vokal
ii. Ejaan kata pinjaman
iii. Ejaan kata dasar dan kata terbitan

c. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang dipupuk ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat.

i. Sebutan

Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah sebutan bahasa Melayu baku.

ii. Intonasi

Intonasi ayat bahasa Melayu hendaklah diajarkan mengikut pola ayat yang berikut:

- ayat penyata
- ayat tanya
- ayat perintah
- ayat seruan
- ayat terbalik atau songsang
- ayat aktif
- ayat pasif

Pola intonasi bagi ayat yang panjang juga perlu diajarkan agar murid dapat menyampaikan maksud dengan jelas.

* Buku **Tatabahasa Dewan Edisi Baharu** ialah buku tatabahasa pegangan yang menjadi sumber rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

* Buku **Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia Edisi Kedua** ialah buku panduan ejaan yang menjadi rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran.

d. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata ini ialah lanjutan daripada peringkat sekolah rendah. Penguasaan kosa kata tersebut perlu ditingkatkan dan dikembangkan selaras dengan pertambahan ilmu dalam mata pelajaran peringkat sekolah menengah.

e. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan, dan kata hikmat yang perlu diajarkan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia. Penguasaan peribahasa ini merupakan lanjutan daripada penguasaan peribahasa pada peringkat sekolah rendah. Peribahasa hendaklah diajarkan dalam konteks. Buku-buku peribahasa Melayu boleh dijadikan sumber rujukan.

KOMPONEN KESUSASTERAAN MELAYU

Komponen kesusasteraan Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu meliputi karya sastera yang berbentuk cerpen, novel, drama, prosa tradisional, sajak, dan puisi tradisional iaitu pantun,

syair, gurindam, seloka dan bahasa berirama. Novel dan antologi sastera yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan hendaklah digunakan.

* Senarai karya komponen kesusasteraan Melayu dari tingkatan 1 hingga tingkatan 5 merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5/2000 bertarikh 23 Februari 2000. Senarai karya mungkin akan bertukar dari masa ke masa.

PENGISIAN KURIKULUM

Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Semua elemen ini diserapkan dalam konteks bagi ketiga-tiga bidang yang terdapat dalam penggunaan bahasa. Penerangan ringkas bagi setiap pengisian ini adalah seperti yang berikut:

a. Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu sains dan geografi yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

b. Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni masyarakat Malaysia harus dipupuk sama ada secara langsung atau tidak langsung, selaras dengan tuntutan nilai sejagat.

Nilai murni ini ialah:

- Baik hati
- Berdikari
- Hemah tinggi
- Hormat-menghormati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan
- Keberanian
- Kebersihan fizikal dan mental
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Kesyukuran
- Patriotisme
- Rasional
- Semangat bermasyarakat

c. Kewarganegaraan

Penyerapan unsur patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Bahasa Melayu mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat kepada tanah air. Pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen terhadap bangsa dan negara.

d. Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

e. Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme, dan pembelajaran kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah adalah seperti yang berikut:

i. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

ii. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka boleh menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugasan harian, dan memperoleh maklumat melalui internet.

iii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

iv. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

v. Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

vi. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

vii. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latih amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

I. Hasil Pembelajaran Bidang Interpersonal

Bidang Interpersonal berfokus pada keupayaan murid berkomunikasi berasaskan bahasa dengan menggunakan kata, frasa, rangkai kata, ungkapan, dan ayat secara bertatasusila untuk mengekalkan hubungan melalui perkongsian idea semasa berinteraksi sosial atau berurusan untuk tujuan komersial. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang boleh dicapai oleh murid dalam Bidang Interpersonal ialah berinteraksi, memberikan pendapat, berunding, membuat pertimbangan, memujuk, dan berurus untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
1.0 Berinteraksi untuk menjalin dan mempererat hubungan mesra	**Aras 1**	
1.1 Berbual dan berbicara dengan intonasi dan nada yang sesuai tentang tajuk dalam kehidupan harian berkaitan keperihalan diri, keluarga, rakan, dan masyarakat.	i. Berbual, menambah dan menyambung bicara tentang masyarakat dengan menggunakan ungkapan yang sesuai dan ayat yang gramatis.	• Aktiviti perbualan mesra anda dengan jiran yang baru berpindah ke kawasan anda tinggal berkisar pada latar belakang komuniti di tempat itu. • Nota: Skop masyarakat mencakup masyarakat setempat, luar bandar, bandar, dan masyarakat siber.
1.2 Mendengar dan memberikan respons secara lisan dan bertulis tentang sesuatu yang diperihalkan oleh orang lain.	ii. Mendengar pernyataan dengan aktif dan menghubungkaitkannya dengan kejadian atau peristiwa yang dibaca, didengar, dan dialami sebagai respons.	• Aktiviti main peranan pengawas dari sekolah yang berlainan dalam perjumpaan pengawas daerah. Contoh hubung kaitan dalam perbualan: A: Sambutan Hari Guru di sekolah kami begitu meriah dan tersiar di akhbar. B: Sambutan di sekolah kami tidak kurang hebatnya. Bekas pelajar turut hadir dan meraikan guru.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
1.3 Menyampaikan maksud yang tersurat dan tersirat berdasarkan bahan yang dikemukakan dengan menggunakan ungkapan yang sesuai. 1.4 Bersoal jawab secara bertatasusila tentang sesuatu perkara dengan menggunakan soalan pelbagai aras. 1.5 Berbincang dan membidas hujah dengan sopan dalam pelbagai situasi. 1.6 Menyatakan perasaan secara berterus terang tentang sesuatu perkara untuk mengekalkan hubungan.	iii. Mengisahkan dan menceritakan semula sesuatu perkara dengan teratur dan menarik perhatian. iv. Menyatakan pandangan dengan menghuraikan maksud tersurat dan tersirat daripada pelbagai sumber. v. Mengemukakan soalan dalam bentuk ayat tanya tanpa kata tanya dan menggunakan soalan pengikat untuk mengundang respons. vi. Menolak pandangan seseorang dengan memberikan penjelasan yang sopan.	• Menghantar e-mel tentang sesuatu kisah lucu atau aneh yang didengar atau dibaca dengan cara yang menarik kepada rakan. • Contoh bahan rangsangan untuk mencungkil maksud tersurat dan tersirat: - berita sukan paralimpik - gambar serangan Israel terhadap petempatan Palestin. - pernyataan bahawa "…petani harus membuang tongkat." • Contoh ayat tanya tanpa kata tanya: Dia telah menarik diri? Contoh soalan pengikat: Bukan, bukan begitu, tidakkah begitu, mungkinkah demikian Misalnya, *"Kita yang menentukan masa depan kita, bukan begitu?"* • Menulis surat kepada rakan untuk menolak dakwaannya bahawa anda hanya berkawan dengan pelajar yang pandai.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	vii. Memberikan penjelasan tentang maksud dan kedudukan sebenar secara sopan.	• Menjawab e-mel untuk memberikan penjelasan tentang tindakan anda menarik diri daripada penyertaan pada saat-saat akhir.
	Aras 2	
	i. Mengutarakan soalan bertumpu dan bercapah serta memberikan jawapan yang tepat dalam perbincangan.	• Contoh soalan bertumpu: - Apakah yang melucukan awak? Contoh soalan bercapah: - Bagaimanakah dapat kita meyakinkan ibu bapa kita bahawa perkhemahan ini berfaedah?
	ii. Menghujah secara sopan tentang pernyataan atau isu yang bersifat sensitif dan berupa tuduhan.	• Pelajar diminta memberikan respons lisan tentang pernyataan yang sensitif contohnya, 'Pelajar lelaki tidak serius dalam pelajaran'.
	iii. Menyatakan penghargaan, pengakuan, kecenderungan dan mendapatkan pertimbangan.	• Aktiviti memadankan situasi dengan pernyataan. Contoh:

Situasi	Pernyataan
Kecenderungan	Tanpa bantuan awak, saya pasti…
Penghargaan	Saya berharap Cikgu dapat melanjutkan tarikh…
Memohon pertimbangan	Saya berat menyatakan Husinlah yang lebih layak.
Pengakuan	Sebenarnya sayalah yang telah…

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	Aras 3	
	i. Menafikan pernyataan dan menolak tuduhan dengan mengemukakan hujah yang meyakinkan tanpa menyentuh hal sensitif.	• Guru mengemukakan pernyataan yang provokatif untuk merangsang pelajar memberikan pernyataan penafian. Contoh pernyataan: "Remaja kini lebih takut kepada rakan daripada ibu bapa mereka."
	ii. Menyatakan kesediaan, keprihatinan, kekhuatiran tentang sesuatu, serta menegur perlakuan yang tidak menyenangkan dengan menyisipkan peribahasa.	• Menjalankan main peranan pelajar bermasalah dengan pembimbing rakan sebaya. Contoh pernyataan: - "Saya sedia membantu awak …" - "Saya bimbang prestasi awak akan ..." - "Usah kita menjadi seperti kacang lupakan kulitnya."

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
2.0 Memberikan pendapat yang bernas sebagai sumbangan dalam perbincangan 2.1 Mencetuskan idea bernas dan teliti semasa memberikan pendapat dalam perbincangan. 2.2 Menghuraikan idea bernas secara kritis dan rapi. 2.3 Memperkuat hujah dengan menggunakan contoh dan bukti.	**Aras 1** i. Mencambahkan idea yang bernas semasa bertukar-tukar fikiran tentang sesuatu topik. ii. Menjelaskan idea dengan menggunakan kata, ungkapan dan ayat yang sesuai dan tersusun.	• Menjalankan aktiviti sumbang saran dalam bentuk permainan. Kumpulan yang mengemukakan cadangan (yang rasional) terbanyak dalam masa yang ditetapkan memenangi permainan. Contoh tajuk: - Perkara yang disenangi atau tidak disenangi ibu bapa. - Patutkah bekas pemimpin Parti Komunis Malaya dibenarkan kembali ke tanah air? • Contoh huraian idea: *Isu/Premis:* Filem Melayu kurang berjaya menambat hati penonton. *Huraian 1:* Ceritanya yang bertemakan cinta hanya berjaya menarik golongan penonton remaja. *Huraian 2:* Oleh yang demikian, filem Melayu yang ditayangkan di pawagam hanya mampu bertahan dalam masa yang singkat.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
2.4 Mengemukakan cadangan yang membina untuk membantu dalam membuat penyelesaian.	iii. Mengemukakan contoh yang sesuai bagi pandangan yang dikemukakan.	• Memberikan ayat contoh bagi pernyataan. *Premis:* Terdapat projek pembangunan yang dilaksanakan tanpa mengambil kira kesejahteraan rakyat dan alam sekitar. *Ayat contoh:* Sebagai contoh, banyak hutan yang berdekatan dengan kawasan tadahan air diteroka secara berleluasa.
2.5 Berbincang dan membuat penjelasan secara spontan tentang sesuatu perkara terhadap isu yang dikemukakan.	iv. Memberikan cadangan bagi sesuatu isu atau permasalahan.	• Menjalankan simulasi aktiviti mesyuarat jawatankuasa rombongan tentang masalah kekurangan peserta. Contoh cadangan: - Membatalkan atau menangguhkan rombongan - Mendapatkan penaja untuk menampung kos - Mendapatkan bas yang lebih kecil atau van untuk mengurangkan kos
	Aras 2 i. Memantapkan hujah dengan mengemukakan bukti.	• Hujah: Masyarakat Malaysia masih kurang kesedaran tentang keselamatan di jalan raya. Bukti: Menurut laporan polis trafik Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur purata 250 saman kesalahan di jalan raya dikeluarkan setiap hari.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	ii. Mengambil giliran dan mengemukakan respons yang sesuai dalam perbincangan yang aktif.	• Melengkapkan dialog tentang sesuatu isu dengan respons yang sesuai. Kemudian pelajar melakonkan dialog tersebut.
	iii. Mengemukakan cadangan dan sebab-musabab serta membuat jangkaan berdasarkan cadangan tersebut.	• Aplikasikan pembelajaran berasaskan kajian masa depan. Contoh: Jika ujian berasaskan kerja projek secara kumpulan dilaksanakan, akan berlaku peniruan dan sukar mengukur prestasi sebenar pelajar. • Contoh ayat hujahan: Jika kapal beradar digunakan dalam penangkapan ikan, hasil tangkapan nelayan akan bertambah dan pendapatan mereka akan meningkat.
	iv. Menjelaskan pendapat sesuatu isu secara spontan.	• Menjalankan simulasi perbincangan atau diskusi antara tiga orang pelajar tentang topik yang diberi. Pelajar lain diminta membuat penilaian rakan sebaya berdasarkan pemilihan kata, sebutan dan intonasi, kelancaran, kebernasan idea, penglibatan ahli, kesesuaian pandangan balas, dan kesantunan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	Aras 3	
	i. Mendengar dan mengenal pasti kelemahan cadangan yang dikemukakan pihak lain untuk memberikan cadangan balas yang membina.	• Langkah bagi tujuan ini: - Pelajar diminta mengulangi pendapat pihak lain. - Kemudian pelajar menyatakan kelemahan idea tersebut. - Pelajar mengemukakan cadangan yang lebih baik.
	ii. Merumus secara spontan dan membuat inferens perkara penting dalam perbincangan.	• Menjalankan simulasi perbincangan tentang cabaran peniaga kecil dalam menghadapi persaingan. Contoh: *Pernyataan 1:* Modal peniaga kecil tidak besar dan tidak mampu bersaing dengan pemilik pasar raya. *Pernyataan 2:* Pemilik pasar raya bermodal besar dan mampu membeli stok yang banyak dengan harga kilang. *Rumusan:* Pasar raya menutup pencarian peniaga kecil. *Inferens:* Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus mengawal bilangan pasar raya.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
3.0 Berunding untuk mendapat persetujuan dan kata sepakat	**Aras 1**	
3.1 Berbincang dengan menggunakan ragam bahasa dan gaya pengucapan yang betul semasa berunding.	i. Bertukar-tukar pendapat dengan menggunakan sebutan, nada, tekanan suara dan gaya pengucapan yang sesuai ketika berunding.	• Membina dan melafazkan ayat untuk menggambarkan pelbagai ragam bahasa dan pengucapan seperti gembira, harapan, dan kesal dengan sebutan, nada dan tekanan suara yang sesuai dengan ekspresi. Contoh pengucapan: - "Saya berasa kecewa kerana walaupun berkali-kali diingatkan, …" (rasa kesal) - "Dengan sokongan dan komitmen anda, kita pasti…." (harapan)
3.2 Berbincang untuk menerima dan menolak pandangan orang lain secara terbuka untuk mencapai kata sepakat.	ii. Menyatakan pendapat untuk menerima atau menolak pandangan orang lain dengan merujuk tujuan rundingan.	• Dalam kumpulan kecil, pelajar melengkapkan dialog dan menjalankan simulasi rundingan, contohnya program Hari Keusahawanan.
3.3 Menyatakan pendirian yang jelas dengan mengemukakan maklumat yang relevan.		A: Kita perlu membuat pembahagian tugas bagi program Hari Keusahawanan. B: Begini, Sudin menguruskan jualan, manakala Ranjit mengelolakan _____ _____ . C: Saya kurang bersetuju dengan _____ _____

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
3.4 Mempertimbangkan semua aspek yang dikemukakan dalam perundingan secara rasional untuk mencapai kata sepakat supaya diterima oleh semua pihak.	**Aras 2** i. Mengemukakan pendapat dengan yakin menggunakan memek muka dan gerak badan yang sesuai serta peka terhadap reaksi pihak lain semasa berunding.	• Menonton rakaman video situasi rundingan, dan menganalisis gelagat komunikator dari segi memek muka, nada suara dan gerak badan sama ada sesuai, sopan atau tidak. Pelajar menjalankan simulasi berunding. Guru harus memastikan pelajar: - memandang orang yang dilawan berbicara - melakukan gerak badan yang bersahaja dan memperlihatkan keyakinan - mempelbagaikan nada suara (lembut, tegas) - mempelbagaikan memek muka (mencebik, berkerut, mengerling)
	ii. Mempersoalkan pernyataan pihak lain dengan sopan untuk mencapai hasil perbincangan.	• Contoh pernyataan: “Saya berpendapat penjual cakera padat cetak rompak patut dikenakan denda yang tinggi.” Contoh ayat untuk mempersoalkan pendapat di atas: “Tetapi tuan pengerusi, tidak ada pembeli, tidak ada penjual. Pembeli juga harus dikenakan hukuman untuk menyelesaikan masalah cetak rompak.”
	iii. Menghuraikan pandangan untuk menerima atau menolak pendapat pihak lain.	• Contoh pernyataan: “Tujuan kita berunding adalah untuk memutuskan atlet yang akan mewakili negara dalam Sukan Asia. Oleh itu isu disiplin atlet tidak akan dibincangkan.”

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	Aras 3 i. Menegaskan pendirian dengan mengemukakan hujah yang sesuai. ii. Merumuskan fakta dan pandangan untuk menentukan pendirian dan keputusan bersama.	• Contoh penegasan pendirian: "Pendirian saya dalam hal ini ialah 30 peratus daripada keuntungan jualan perlu disumbangkan kepada tabung kebajikan sekolah agar sasaran kutipan tabung tercapai." • Pelajar meneliti kandungan minit mesyuarat yang berkaitan dengan rundingan dan merumuskan pendirian atau keputusan yang dicapai. Setelah itu, murid menjalankan aktiviti main peranan berdasarkan minit mesyuarat tersebut.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
4.0 Membuat pertimbangan untuk mencapai keputusan 4.1 Mengesan kecondongan pendapat dan menimbangkan pelbagai pilihan untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan. 4.2 Menjelaskan dan membuktikan pertimbangan secara rasional dan adil bagi meyakinkan pihak yang terlibat.	**Aras 1** i. Menyatakan kecondongan pendapat berdasarkan penggunaan kata, ungkapan dan ayat. **Aras 2** i. Menghuraikan kecondongan pendapat berdasarkan fakta dan hujah yang dikemukakan. ii. Menjelaskan pertimbangan yang dibuat tentang keperluan kritikal untuk menyelesaikan masalah. **Aras 3** i. Menganalisis kekuatan dan kelemahan keputusan dengan mengemukakan alasan konkrit dan contoh yang relevan.	• Membaca petikan daripada dua atau lebih artikel akhbar tentang suatu isu semasa. Kemudian, pelajar membincangkan pendirian pengarang tentang isu tersebut. • Melengkapkan lembaran pengurusan grafik dengan fakta dan hujah untuk memperlihatkan kecenderungan seseorang. • Pelajar diberikan beberapa kes atau situasi untuk difikirkan. Contoh: Anda diberi 5 minit untuk meninggalkan kediaman kerana keadaan darurat yang berlaku. Nyatakan lima benda penting yang akan anda bawa bersama dan berikan alasan. • Lanjutan situasi di atas, pelajar diminta meninggalkan dua daripada lima barangan yang dipilih dan menyusun keutamaan barangan tersebut dengan memberikan alasan yang relevan. • Menjalankan aktiviti perbincangan kumpulan kecil untuk memilih calon yang sesuai untuk sesuatu pekerjaan berdasarkan resume yang dikirim oleh calon.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
5.0 Memujuk untuk mempengaruhi pihak lain untuk melakukan sesuatu 5.1 Berbicara dan merayu dengan menggunakan kata, ungkapan dan ayat yang dapat memberikan kesan memujuk bagi mendapatkan sesuatu. 5.2 Menggunakan hujah yang bernas dan meyakinkan untuk mempengaruhi pihak lain dalam pelbagai situasi. 5.3 Merayu dengan menggunakan strategi yang berkesan untuk memujuk pihak lain.	**Aras 1** i. Menentukan dan menggunakan kata, ungkapan dan ayat untuk memberikan kesedaran kepada seseorang. **Aras 2** i. Menggunakan sebutan, nada, intonasi dan unsur paralinguistik yang lain untuk meningkatkan kesedaran. ii. Menentukan hujah dan alasan untuk meningkatkan kesedaran.	• Pelajar diminta menulis surat kepada kaunselor akhbar untuk memohon khidmat nasihat. Kemudian, pelajar saling bertukar surat dan memainkan peranan sebagai kaunselor serta menjawab surat rakan sekelas. Cadangan ungkapan: *Saya bersimpati dengan awak …; cuba letakkan diri awak … ; fikirkan jika …* • Sebagai peneguhan, pelajar diminta mengesan kata, ungkapan dan ayat memujuk dalam jawapan kaunselor dalam ruangan kaunseling akhbar. • Guru memilih soalan dan jawapan yang baik dalam aktiviti di atas, dan dua orang pelajar melakukan main peranan berdasarkan teks tersebut dengan memberikan fokus pada intonasi, nada dan paralinguistik. • Memadankan pernyataan dengan hujah yang sesuai. • Menulis surat kepada pihak berkenaan memohon tajaan, sokongan bagi program yang dijalankan. Contoh: Program amal

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	Aras 3 i. Membina pernyataan yang bersifat propaganda dan meninggalkan kesan mendalam kepada khalayak.	• Dengan merujuk teks yang sesuai, secara berpasangan pelajar mengenal pasti pernyataan yang bersifat propaganda sebagai cara untuk memujuk. Contohnya: 'Perasaan perkauman menghakis perpaduan yang telah lama terjalin.' • Aktiviti pengayaan: Pelajar mengumpulkan iklan dan mengumpulkan slogan dan ungkapan yang menarik dalam iklan tersebut. Contoh: 'Kami memahami cita rasa anda', 'Bijak dahulu bijak sekarang', 'Segalanya bermula di sini'

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
6.0 Berurus dengan pihak tertentu untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan		
6.1 Menggunakan sebutan, intonasi, dan unsur paralinguistik yang sesuai untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan.	**Aras 1** i. Menggunakan sebutan, intonasi, dan gaya pengucapan yang sesuai semasa menentukan barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki, tawar-menawar, dan membuat tempahan.	• Minta pelajar berlatih menyebut pelbagai ekspresi seperti kesal, gembira, puas hati, mengharap dan buntu semasa berurus, dalam atau tanpa konteks. Contoh: "Apa?" dengan nada menaik untuk menandakan kurang percaya.
6.2 Menggunakan perkataan, ungkapan, ayat dan laras bahasa yang sesuai untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan.	**Aras 2** i. Menyusun kata, ungkapan dan ayat yang sesuai untuk menyatakan pilihan tentang sesuatu barangan dan perkhidmatan ketika membuat urusan.	• Perkenalkan dan latih pelajar menggunakan kata, ungkapan dan ayat yang kerap dan penting misalnya: *pengedar tunggal, perkhidmatan selepas jualan, secara pakej atau pukal,* dan *pembelian dengan pembelian.* Penyerapan ilmu perdagangan digalakkan.
6.3 Mengambil tindakan susulan terhadap pihak tertentu yang berkaitan dengan barangan atau perkhidmatan.	ii. Mengemukakan permohonan, komen, aduan dan bantahan tentang barangan dan perkhidmatan.	• Bina dialog berdasarkan situasi tertentu. Contoh: - kiraan atau caj dua kali - pemotongan meskipun bil telah dijelaskan - memohon ganti rugi dan pengembalian wang kerana produk atau perkhidmatan tidak seperti yang didakwa

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	Aras 3 i. Memberikan respons yang betul terhadap penanda verbal dan nonverbal bagi mengelakkan urusan yang merugikan.	• Sebagai pratugasan, pelajar diminta membaca maklumat yang berkaitan dengan kepenggunaan daripada buletin pengguna. Penanda verbal merujuk perkataan atau ayat yang memberikan pengertian tertentu. Pernyataan "Panas bilik ini." mungkin membawa maksud seseorang minta kipas dipasangkan atau tingkap dibuka. Penanda nonverbal merujuk ekspresi dan bahasa badan seperti mengangguk dan merenung tajam. • Membalas mesej atau pujukan yang diterima daripada syarikat yang menawarkan perkhidmatan. Contoh: Anda menolak tawaran keahlian kad diskaun atau produk kecantikan.

II. Hasil Pembelajaran Bidang Maklumat

Bidang Maklumat berfokus pada keupayaan murid memperoleh dan menyampaikan pelbagai pengetahuan dalam bidang ilmu. Pemerolehan maklumat didapati melalui aktiviti mendengar, berbual, membaca, serta mengakses maklumat daripada multimedia. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang dapat dicapai oleh murid dalam Bidang Maklumat ialah mendapat, memproses, dan menyampaikan maklumat.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
7.0 Mendapat maklumat daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca, dan ditonton 7.1 Mengenal pasti dan menyatakan gambaran keseluruhan, idea utama, isi penting, dan isi relevan tentang bahan yang didengar, dibaca, dan ditonton. 7.2 Memahami dan menyatakan maksud perkataan sukar berdasarkan konteks. 7.3 Mengemukakan soalan untuk mendapat penjelasan lanjut.	**Aras 1** i. Mendengar dan menyatakan gambaran keseluruhan dan idea utama. ii. Memilih isi penting yang relevan dengan topik yang diberi. iii. Mentafsirkan dan menghuraikan maksud kata, rangkai kata, istilah, peribahasa, ayat dan perenggan.	• Guru menyediakan soalan-soalan berdasarkan 5W1H untuk memandu pelajar menyediakan sinopsis, ringkasan atau rumusan. • Pelajar menyatakan isi penting dalam lembaran pengurusan grafik. Contoh tajuk: 'Langkah-langkah untuk memupuk budaya membaca' • Menggunakan teknik PQRST (iaitu membuat andaian awal, menyoal, membaca, meringkas dan menguji) untuk menulis rumusan atau ringkasan. • Melengkapkan teks dengan kata, istilah, rangkai kata atau peribahasa yang berasaskan teknik kloz.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
7.4 Membaca pantas secara imbasan dan luncuran untuk membuat rujukan pelbagai bahan bercetak dan bahan elektronik.	iv. Merangka dan menyusun soalan yang sesuai untuk mendapatkan maklumat yang terperinci.	• Memberikan pembayang bagi teka silang kata. Hadkan jumlah perkataan untuk pembayang dan berikan pujian kepada pembayang yang kreatif dan jitu.
7.5 Memahami dan meneliti maksud tersurat dan tersirat daripada sesuatu bahan. 7.6 Membezakan fakta dengan pandangan dalam bahan yang dirujuk. 7.7 Memahami laras bahasa bagi pelbagai bahan untuk memperoleh maklumat.	v. Membaca secara imbasan dan luncuran untuk mengenal pasti kesesuaian sumber dan bahan penerbitan yang dirujuk. vi. Menghuraikan maksud tersurat dan tersirat frasa, ayat dan perenggan dalam teks.	• Menyediakan soalan temu duga atau wawancara. Antara aspek yang disoal: - tujuan - latar belakang - minat dan kecenderungan - pengalaman - pencapaian • Setiap kumpulan pelajar ditugaskan menyediakan folio rujukan bahan termasuk laman web yang sebanyak mungkin berdasarkan topik atau tugasan tertentu. Latih pelajar mengenal bibliografi. • Berbincang dan membandingkan maksud perenggan dengan merujuk makna denotatif (makna tersurat/selapis) dan makna konotatif (makna lain selain yang tersurat). Contoh: 'Tiada jalan kembali', 'melebarkan sayapnya'.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	vii. Menyatakan jenis pernyataan sama ada bersifat fakta atau pandangan.	• Mendengar rakaman atau membaca petikan dan mengenal pasti 3 fakta dan 3 pandangan dalam teks. • Membina pandangan berdasarkan fakta yang terdapat dalam bahan grafik.
	viii. Mengenal pasti maklumat dalam laras yang berbeza.	• Mengelompokkan maklumat daripada laras yang bercampur aduk, kemudian menyusun semula maklumat tersebut menjadi wacana yang bermakna dalam laras tertentu.
	Aras 2	
	i. Mengemukakan soalan pelbagai jenis untuk mendapat penjelasan lanjut.	• Secara kumpulan pelajar menyediakan borang soal selidik untuk penyelidikan ringkas. Selepas itu, pelajar bertukar-tukar borang dan mengisi borang soal selidik rakan daripada kumpulan lain. Pelajar diminta menilai kejituan soalan dan memberikan respons kepada soal selidik yang dikemukakan.
	ii. Membaca pantas secara imbasan dan luncuran untuk mendapat maklumat yang khusus.	• Membaca pantas teks di skrin komputer dalam masa yang dihadkan dan menjawab soalan yang disediakan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	iii. Menganalisis maksud tersirat sesuatu bahan dan membina maklumat dalam bentuk yang lain.	• Pelajar membaca teks secara intensif dan menukarkan maklumat dalam bentuk grafik.
	iv. Memberikan pandangan bagi fakta yang dikemukakan dalam teks dan sebaliknya.	• Pelajar membina pandangan berdasarkan pernyataan fakta.
	v. Menghuraikan maklumat dalam bahan pelbagai laras bahasa.	• Menonton rakaman video ceramah atau forum untuk menganalisis teks yang menggunakan laras tertentu dari segi penggunaan istilah dan ayat, serta maklumat yang disampaikan. Contoh: Laras teknologi maklumat dan komunikasi.
	Aras 3	
	i. Menaakul maksud tersurat dan tersirat pelbagai teks.	• Mempermudah teks yang sukar difahami dengan memparafrasanya dalam bahasa yang lebih mesra pengguna.
	ii. Memberikan fakta bagi pandangan yang dikemukakan dan sebaliknya.	• Membaca pernyataan berbentuk pandangan, kemudian mencari fakta yang berkait dengan pandangan tersebut dan diolah dalam perenggan. • Membina pernyataan yang bersifat pandangan berdasarkan pernyataan fakta.
	iii. Merumuskan dan mengulas bahan dalam pelbagai laras bahasa.	• Membina ayat berdasarkan bahan grafik. Pastikan pelajar memahami istilah dan rangkai kata dalam teks yang menggunakan laras tertentu.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
8.0 Memproses maklumat untuk keperluan tertentu 8.1 Menyaring maklumat mengikut klasifikasi. 8.2 Menyusun maklumat mengikut keutamaan. 8.3 Membuat pertimbangan secara teliti terhadap maklumat yang telah disusun. 8.4 Mengolah maklumat secara koheren untuk tujuan tertentu. 8.5 Mentafsirkan maklumat yang telah dipilih secara rasional untuk membuat inferens.	**Aras 1** i. Menentukan pengelasan dan mengelaskan maklumat mengikut kriteria tertentu. ii. Menyusun maklumat mengikut urutan yang sesuai. iii. Memindahkan maklumat kepada pelbagai bentuk. iv. Menggabungkan dan mengasingkan maklumat berdasarkan ciri dan kandungannya. v. Menerangkan maklumat secara munasabah untuk membuat inferens.	• Membaca dan mendengar petikan dan membuat pengelasan: Contoh: - Jenis kata - Jenis tumbuhan - Jenis pekerjaan • Menyediakan teks tunjuk cara sesuatu berdasarkan gambar yang diberi. Contoh: - Memasang dakwat pencetak kepada pencetak - Memasang perabot 'pasang sendiri'(*DIY*) • Menukarkan teks kepada bentuk grafik atau menukarkan maklumat grafik kepada teks. • Pelajar diminta mengumpulkan keratan akhbar mengikut folio, kemudian menyusunnya mengikut urutan. Bagi tajuk bencana alam, antara kriteria susunan ialah jenis, tempat berlaku dan impak. • Dalam kumpulan kecil, pelajar menyediakan peraturan (perkara yang harus dan tidak harus dilakukan). Contoh: - Tatacara di kantin atau di makmal - Peraturan di dalam bas awam atau komuter

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
8.6 Menyemak semula maklumat dan memutuskan sama ada hendak menerima, menambah, atau menolak pilihan tersebut. 8.7 Menilai secara keseluruhan sesuatu maklumat dengan memberikan alasan yang kukuh. 8.8 Membuat rumusan dengan alasan yang munasabah.	vi. Menyemak semula draf teks dengan mengetepikan pengulangan, kekaburan, penaakulan yang tidak tepat. **Aras 2** i. Meneliti semula maklumat untuk memastikan kesahihannya. ii. Menyatakan alasan menerima, menolak dan mengubahsuaikan maklumat yang diperoleh.	• Pelajar membincangkan kejituan peraturan yang disediakan. Penjelasan rasional perlu diberikan sekiranya susunan peraturan dipertikaikan. • Membaca dan membuat penambahbaikan syarat pertandingan dan atur cara majlis. • Melengkapkan lembaran pengurusan grafik dengan mengemukakan alasan menerima, alasan menolak dan alternatif lain. Contoh topik: Patutkah pasar raya dibina berdekatan dengan sekolah anda? ***Menerima***: Memudahkan pelajar mendapatkan barangan dan perkhidmatan serta tempat strategik untuk penduduk berdekatan. ***Menolak:*** Sibuk/bising/melenyapkan kawasan hijau/pasar raya berdekatan sudah ada/tempat remaja melepak ***Rumusan:*** Cadangan pembinaan ditolak kerana menjaga alam sekitar lebih penting dan tiada keperluan mendesak untuk mendirikan pasar raya.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	iii Merumuskan fakta dengan alasan yang logik.	• Melengkapkan rencana dengan memasukkan ayat rumusan dan kesimpulan yang mantap.
	Aras 3	
	i. Mengenal pasti andaian yang salah serta pernyataan yang mengelirukan dalam teks dan membetulkannya.	• Membaca dan menganalisis pernyataan yang menimbulkan ketaksaan dalam iklan komersial. Tulis semula iklan yang tepat. • Melengkapkan rencana dengan memasukkan ayat rumusan dan kesimpulan yang mantap.
	ii. Membuat ulasan lengkap berserta alasan yang kukuh.	• Membuat ulasan tentang kekuatan dan kelemahan suatu alasan yang kukuh.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
9.0 maklumat untuk tujuan tertentu	**Aras 1**	
9.1 Menggunakan kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa dan ayat yang tepat serta indah untuk menyampaikan maklumat secara tersusun dan kohesif.	i. Menyusun kata, istilah, frasa, rangkai kata, peribahasa, ayat tunggal dan ayat majmuk yang tepat untuk menyampaikan maklumat.	• Melatih pelajar menyebut: - perkataan yang panjang dan banyak suku kata seperti *pengkomputeran, menghancurleburkan, berperikemanusiaan* - ayat yang panjang dengan jeda yang betul Contoh ayat: *Cuba bayangkan situasi yang akan berlaku setelah adanya satelit yang dapat memancarkan dan menerima maklumat tanpa menggunakan wayar berselirat yang mahal di bumi.*
9.2 Menentukan format penyampaian dan jenis penulisan yang sesuai untuk menyampaikan maklumat.	ii. Menyatakan format penyampaian dialog, ucapan, ceramah dan mempengerusikan majlis.	• Mendengar model ucapan yang baik serta memetakan format dan isi penting ucapan tersebut dalam bentuk peta minda. Kemudian, jelaskan format dan isi penting ucapan tersebut kepada kelas.
9.3 Menyediakan kerangka penyampaian dan bahan edaran untuk membuat pembentangan.	iii. Mendraf kerangka edaran ceramah dan kempen. iv. Menyampaikan ceramah dan kempen berdasarkan kerangka yang disediakan.	• Guru memaparkan beberapa contoh kerangka edaran untuk dibincangkan. • Menjalankan aktiviti ceramah sempena kempen antidenggi.
9.4 Menyediakan hujah dan alasan serta menyampaikan maklumat untuk sesuatu pembentangan.	**Aras 2** i. Menyatakan format penulisan serta persembahan bagi pidato dan debat.	• Pelajar membentangkan format pidato menggunakan persembahan multimedia contohnya *powerpoint*.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	i. Memetakan kerangka isi penyampaian pidato dan bahas dalam bentuk grafik.	• Pelajar menyediakan kerangka isi bidasan berdasarkan teks pihak lawan. • Pelajar menjalankan aktiviti pembentangan kerangka bahan secara berpasangan.
	ii. Mengemukakan soalan, kata-kata berunsur kecindan dan anekdot yang dapat menguatkan pembentangan.	• Merujuk pelbagai bahan bacaan untuk mencari rangkai kata, kecindan atau kisah menarik. Contoh: Mutiara kata, kisah lucu atau jalur komik.
	Aras 3	
	i. Menentukan hujah yang mantap berdasarkan rujukan dan bukti.	• Pelajar menjalankan simulasi promosi dalam suatu pameran. Sebelum itu, secara kumpulan pelajar merangka objek, model, gambar, brosur dan paparan statistik bagi pameran tersebut.
	ii. Membuat pembentangan dengan penyampaian yang menarik dan berkesan.	• Menjalankan pidato umum. Pelajar menyediakan nota ringkas untuk pidato umum yang mengandungi iktibar selama 5 minit. Pelajar memilih tajuk mereka misalnya cinta monyet atau kerjaya sebagai artis. • Galakkan pelajar menggunakan penanda wacana secara berkesan. Contoh: *Sebagai lanjutan kepada..., Mari kita…,Tidak syak lagi…, Kini peristiwa ..., Sebagai mengakhiri...*

III. Hasil Pembelajaran Bidang Estetik

Bidang Estetik berfokus pada keupayaan murid menguasai aspek kebahasaan, keindahan, dan kehalusan bahasa. Bidang Estetik juga mementingkan penikmatan hasil karya yang indah, pelahiran perasaan, serta membuat apresiasi, dan penghayatan. Hasil Pembelajaran Utama dan Hasil Pembelajaran Khusus yang perlu dicapai oleh murid dalam Bidang Estetika ialah memahami, menguasai, dan menghasilkan penulisan kreatif.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
10.0 Memahami dan memberikan respons peribadi tentang karya sastera	**Aras 1**	
10.1 Menceritakan semula sesebuah karya secara keseluruhan.	i. Menyatakan semula cerita dalam karya prosa dan menghuraikan maksud puisi dengan perkataan sendiri.	• Murid menjalankan aktiviti teater bercerita berdasarkan karya yang dibaca. • Murid menyebut kata, rangkai kata dan baris puisi yang menjadi petunjuk kepada pelajar untuk menghuraikan maksud puisi.
10.2 Mengenal pasti perkara yang menarik dalam karya.	ii. Menghuraikan aspek perkara yang menarik dalam karya prosa dan puisi.	• Pelajar mengisi LPG dan mengetengahkan perkara yang menarik dalam karya yang dibaca.
10.3 Menyatakan bentuk dan nada puisi.	iii. Menjelaskan bentuk dan nada puisi.	• Murid mendengar rakaman puisi yang berbeza nada dan bentuk puisi. Minta pelajar menjelaskannya.
10.4 Menyatakan jenis, ciri, tema dan persoalan, pemikiran, nilai, dan pengajaran.		

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
10.5 Menghuraikan maksud, gaya bahasa dan unsur bunyi dalam puisi. 10.6 Mengulas karya sastera dari aspek watak dan perwatakan, latar, plot, gaya bahasa, dan sudut pandangan.	iv. Mengenal pasti idea utama, peristiwa penting untuk membuat sinopsis karya prosa dan drama. **Aras 2** i. Menjelaskan tema, pemikiran dan persoalan puisi dan prosa. ii. Menghuraikan nilai dan pengajaran yang terdapat dalam teks. iii. Mengenal pasti penggunaan sinkof, pengulangan, simile, personifikasi dan unsur bunyi dalam teks puisi dan prosa.	• Menjalankan improvisasi sedutan karya yang telah dibaca. Guru memberikan sebaris ayat sebagai pemula dan pelajar menyambungkan ayat bergilir-gilir, secara lisan atau bertulis sehingga dapat menghasilkan cerita yang lengkap. • Pelajar menyenaraikan beberapa persoalan dalam karya kemudian merumuskan persoalan untuk mengesan tema karya. • Mencipta dialog atau jalur komik yang menjalinkan unsur nilai dan pengajaran. Contoh: Nilai berpegang pada janji. • Aplikasikan pembelajaran konstruktivisme agar pelajar sendiri meneroka dan merumuskan keindahan karya dari segi gaya bahasa dan unsur bunyi.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	iv. Menganalisis watak dan perwatakan, serta latar. **Aras 3** i. Menjelaskan penggunaan inversi, metafora dan hiperbola dalam karya. ii. Mengecam teknik plot (penceritaan terus, dialog, monolog, monolog dalaman, imbas kembali dan imbas muka).	• Berbincang dengan pelajar tentang perasaan mereka terhadap watak dalam cerpen "Sayang Ayah", Bagaimanakah perasaan anda apabila Angamah, watak utama dalam cerpen "Sayang Ayah" menangisi kematian ayahnya? • Mengilustrasikan latar tempat atau latar masyarakat dalam cerpen "Sayang Ayah" • Mencipta deskripsi watak dan suasana dengan menggunakan simile atau personifikasi yang menarik. Contoh: *Rambutnya gersang dan kusut-masai seperti ranting-ranting yang kering*, *sungai darah, kembali dia kepada kebenaran, lautan api.* • Secara berpasangan pelajar melengkapkan lembaran pengurusan grafik dengan contoh teknik plot yang tepat. • Memberikan tajuk yang tepat dan kreatif bagi karya yang dibaca setelah mendalami jalan cerita.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
11.0 Menguasai gaya bahasa dan laras bahasa dalam karya penulisan kreatif dan bukan kreatif 11.1 Mengenal pasti gaya bahasa dalam karya bukan sastera serta menggunakannya dalam penulisan bukan kreatif. 11.2 Menganalisis gaya bahasa dan unsur bunyi dalam karya sastera serta menggunakannya dalam penulisan kreatif. 11.3 Membanding beza penggunaan laras bahasa yang sesuai dalam pelbagai genre.	**Aras 1** i. Mengenal pasti diksi, istilah dan pelbagai jenis ayat untuk digunakan dalam penulisan karya bukan sastera. ii. Menyatakan makna kata daripada set leksikal yang sama dan kata yang berkolokasi. iii. Menjelaskan unsur bunyi dan perlambangan yang terdapat dalam karya.	• Aktiviti menukar ganti kata dan rangkai kata yang digarisi dalam petikan rencana dengan kata dan rangkai kata yang sesuai, menarik dan berkesan tanpa mengubah maksud. • Aktiviti yang sama boleh diaplikasikan bagi menganalisis diksi karya sastera. Untuk tujuan ini, guru boleh memberikan sajak yang disederhanakan diksinya. • Contoh kata daripada set leksikal yang sama: *Memamah - mengunyah - melahap - menelan - mencicip - membaham* *Beriak* - berombak, beralun, berolang-aling Contoh kolokasi bagi kata *mengamalkan* • Membaca lirik lagu Melayu lama dan moden dengan teliti dan menyenaraikan unsur perlambangan dalam lirik tersebut.

Kolokasi yang tepat	Kolokasi yang tidak tepat
Mengamalkan adat	Mengamalkan usaha
Mengamalkan budaya	Mengamalkan tindakan
Mengamalkan sikap	Mengamalkan latihan

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	Aras 2	
	i. Menjelaskan maksud bagi unsur gaya bahasa dalam karya dan menggunakannya dalam konteks yang lain.	• Menjalankan aktiviti memadankan lima kata abstrak dengan lima kata konkrit untuk membentuk metafora. Kemudian, pelajar membina rangkap puisi menggunakan metafora tersebut.
	ii. Menjelaskan penggunaan laras perdagangan dan iklan.	• Pelajar mencipta iklan dalam medium yang berbeza; misalnya poster dan lakonan bagi iklan barangan seperti serbuk pencuci, atau kempen seperti keselamatan jalan raya dan bahaya merokok.
	Aras 3	
	i. Membina ayat menggunakan bahasa menaik, bahasa menurun, dan bahasa terbalik.	• Membina perenggan cerita pendek atau dialog mudah menggunakan ragam bahasa yang berbeza. Contoh: - "Pukul kucing itu lagi, biar digigitnya tangan kamu." (bahasa terbalik) - daripada jeling-menjeling, pandang-memandang, kini mula bertukar senyuman. (bahasa menaik) - yang tua, yang muda, malah bayi kecil juga memenuhi dek kapal sempit itu. (bahasa menurun)

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	ii. Menghuraikan keindahan unsur bunyi dalam puisi melalui unsur aliterasi, asonansi, rima tengah dan rima akhir. serta mengaplikasikannya dalam karya.	• Secara berpasangan, pelajar mencipta baris puisi yang mengandungi aliterasi dan asonansi. Contoh aliterasi 'h': *Dari darah dari nanah yang punah di tanah* (baris sajak "Bunga Popi" oleh Usman Awang)
	iii. Menjelaskan penggunaan diksi dan istilah bagi teks yang menggunakan laras teknik dan vokasional.	• Guru meminta pelajar membaca dan menganalisis sekurang-kurangnya dua petikan daripada laras teknik dan vokasional dari segi penggunaan diksi dan istilah. Contoh: Pengurusan stok; menguji kelurusan, pugak dan tolok; katering dan penyajian

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
12.0 Menghasilkan penulisan kreatif dan bukan kreatif	**Aras 1**	
12.1 Menghasilkan prosa dan puisi secara terancang, tertib, dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat, indah dan menarik.	i. Memilih kata dan rangkai kata untuk membina ayat yang gramatis bagi menghasilkan pelbagai bentuk penulisan.	• Pelajar membina pelbagai ayat dengan - menyambungkan ayat-ayat tunggal menjadi ayat majmuk. - memecahkan ayat majmuk campuran kepada struktur ayat yang lebih ringkas dan mudah difahami.
12.2 Mengemukakan isi yang bernas dan membina kerangka penulisan. 12.3 Membina ayat topik dan ayat huraian untuk menghasilkan perenggan yang kohesif.	ii. Memilih serta menyusun kata dan rangkai kata untuk menghasilkan baris puisi dan perenggan prosa yang menarik berdasarkan tema dan persoalan.	• Nota: Guru boleh mencadangkan senarai kata atau rangkai kata untuk memandu pelajar. Contoh kata dan rangkai kata bagi sajak bertemakan peperangan: PERANG lenyap kedamaian - kerakusan - keegoan keperitan, maruah manusia - menghiris - Adam dan Hawa - ketentuan
12.4 Menyusun isi dan menggunakan penanda wacana untuk menghasilkan perenggan yang koheren.	iii. Menyatakan idea dan isi yang relevan dengan tajuk.	• Membina peta konsep bagi sesuatu topik. Contoh peta konsep bagi topik 'Amalan Pemakanan Seimbang'.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
12.1 Membina baris puisi dengan kemas dan indah. 12.2 Mengedit dan memurnikan sesuatu karya yang telah dihasilkan.		 Peta konsep bagi topik 'Amalan Pemakanan Seimbang'

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	iv. Membina ayat topik, ayat huraian dan ayat contoh.	• Mencipta pendahuluan cerita dengan teknik yang berbeza, contohnya teknik takrifan, persoalan, dramatik, gambaran dan sejarah. • Membina ayat huraian menggunakan teknik penyoalan 5W IH untuk mengembangkan ayat topik.
	Aras 2 i. Memetakan jalan cerita bagi penulisan kreatif.	• Melengkapkan perenggan pertengahan rencana atau cerpen. Guru memberikan isi atau idea penting bagi perenggan tersebut. • Pelajar membina jalan cerita dengan menggunakan garis plot. 

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	ii. Membina baris ayat yang kohesif dalam perenggan. iii. Membina perenggan yang koheren dengan menggunakan penanda wacana. iv. Menyunting teks dari aspek mekanis, kosa kata dan tatabahasa untuk menghasilkan karya yang gramatis dan kemas olahannya. **Aras 3** i. Menghasilkan pelbagai genre dengan menggunakan bahasa dan gaya penulisan yang menarik. ii. Menukarkan ayat dengan binaan ayat yang kemas, jelas dan berkesan tanpa mengubah maksud asal bagi tujuan pemurnian.	• Latihan menggabungkan ayat-ayat dalam perenggan yang tidak kohesif bagi petikan deskriptif dan kreatif. • Untuk menjelaskan idea, perlihatkan kesinambungan peristiwa atau pertautan wacana antara suatu perenggan dengan perenggan sebelum atau selepasnya. • Menggunakan pendekatan berproses untuk mengolah maklumat yang dirujuk secara berkumpulan daripada pelbagai sumber termasuk internet. • Pelajar dalam kelas mengedit karya rakan menggunakan pemproses kata. Galakkan perbincangan antara rakan yang diedit karyanya dengan pelajar yang mengedit untuk menjelaskan pemurnian yang dibuat. • Pelajar menulis karangan berdasarkan tajuk yang diberi dalam masa yang ditetapkan. • Mengolah semula petikan karangan. Aktiviti ini boleh dijalankan secara berpasangan.